

**Kepimpinan gabungkan** golongan tua, muda dan yang pernah tersingkir

# PM: Barisan terbaik

UM 13 MAY 2000

**K**UALA LUMPUR 12 Mei — Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyifatkan **kepimpinan parti** itu di peringkat Naib Presiden dan Majlis Tertinggi (MT) sebagai barisan terbaik yang menggabungkan golongan tua, muda dan mereka yang pernah tersingkir.

Beliau berkata, pemilihan barisan kepimpinan itu mencerminkan apa yang dikehendaki oleh para perwakilan UMNO.

“Seperti biasa, UMNO memilih gabungan yang terbaik, saya puas hati dengan pemilihan ini. Ia menggabungkan orang biasa dan ahli parti yang setia,” katanya.

Beliau menyatakan demikian pada sidang akhbar selepas tamat hari kedua Perhimpunan Agung UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) petang ini.

Ditanya adakah beliau menyedari pemilihan tiga Naib Presiden mempunyai persamaan pencalonan yang dibuat oleh UMNO bahagian Kubang Pasu, Dr. Mahathir berkata:

- UMNO akan kembali kuat — Muka 2
- Gambar-gambar sekitar perhimpunan — Muka 3
- Seimbangkan kerja dalam parti dan kerajaan — Muka 4
- Gandingan mantap barisan MT — Muka 6
- Undi berpecah punca semua MB tewas — Muka 8
- Wanita minta tiga kerusi MT- Muka 10
- Kerajaan perlu mendampingi guru — Muka 11

“Saya sendiri tidak tahu yang bahagian saya buat pencalonan sedemikian... ini secara kebetulan sahaja kerana saya hanya tahu perkara iniselepas orang beritahu saya.”

Mengenai ketiadaan seorang pun Menteri Besar yang terpilih dalam pemilihan Naib Presiden, Dr. Mahathir berkata, kesemua mereka memutuskan untuk bertanding Naib Presiden tanpa bertanding jawatan MT.

Beliau juga belum dapat mengumumkan siapakah ahli-ahli MT yang akan beliau lantik.

“Kita juga tidak tahu siapa enam orang yang akan saya lantik dalam MT sama ada akan terdiri daripada Menteri Besar,” katanya.

Mengenai kemungkinan berlaku rombakan kabinet berikutan keputusan pemilihan UMNO itu, Dr. Mahathir berkata, perkara itu tidak ada kaitan dengan keputusan pemilihan tersebut.

Bagaimanapun katanya, rombakan kabinet masih boleh dipertimbangkan jika ada sebab-sebab lain yang boleh mempengaruhi pemikiran kerajaan.

“Kabinet, kabinetlah, mungkin kalau ada sebab-sebab lain kita mesti tim-

■ Lihat muka 4

## SAMBUNGAN DARI MUKA 1

UM 13 MAY 2000

## PM: Barisan terbaik

bankan, tetapi ia tidak ada kaitan secara langsung,” jelasnya.

Perdana Menteri turut menolak tanggapan bahawa para perwakilan telah membuat undi protes dengan tidak memilih seorang pun calon Wanita untuk menduduki kerusi MT.

“Bukan undi protes, mereka cuma pilih calon yang mereka kenal,” katanya.

Ditanya sama ada Datuk Dr. Siti Zaharah Sulaiman yang tewas dalam perebutan jawatan Ketua Pergerakan Wanita akan dilantik dalam MT,

beliau berkata: “Saya tidak boleh cakap sekarang.”

Dr. Mahathir memberitahu, beliau tidak menerima sebarang aduan mengenai penggunaan wang di kalangan calon-calon yang menang jawatan tertinggi dan oleh itu mereka layak dilantik.

Mengenai kemenangan Datuk Ahmad Zahid Hamidi yang pernah dikaitkan dengan Datuk Seri Anwar Ibrahim, Dr. Mahathir menegaskan, bekas Ketua Pergerakan Pemuda UMNO itu kini ‘seratus-peratus’ ahli UMNO.

“Zahid Hamidi telah mendedahkan bagaimana dia telah dipergunakan oleh Anwar untuk membuat tuduhan liar ke atas kerajaan tetapi sekarang ia seratus peratus dalam parti,” ujar beliau.

Kepada satu soalan sama ada ahli UMNO sudah melupakan kes bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd. Taib, beliau berkata, ia mencerminkan apa yang dikehendaki oleh perwakilan secara majoriti.